## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 20 JUN 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | ELAK PESAWAH PADI ALAMI KERUGIAN, NASIONAL, SH -19 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2. | MAFI, MOSTI MAMPU HASIL TEKNOLOGI BAHARU, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE | |
| 3. | TEKNOLOGI PERTANIAN PINTAR JAMIN SEKURITI MAKANAN, NASIONAL, BH -9 | |
| 4. | 'FOOD SECURITY' TERENGGANU LEBIH KEDEPAN, PERTANIAN TERENGGNAU, HARAKAH -H22 | |
| 5. | AKTIVITI MENCANDAT SOTONG PERLU LESEN, NEGERI PAHANG, SH -31 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 6. | TIGA LAGI PASAR TANI KEKAL BAKAL DIBINA FAMA TAHUN INI, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 7. | BEKALAN STOK IKAN NEGARA DIJANGKA PULIH BULAN INI, NEGARA, KOSMO -16 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 8. | BEKALAN IKAN BELUM STABIL, NASIONAL, SH -10 | |
| 9. | NOT ENOUGH FISH, MUKA DEPAN, NST -1 | |
| 10. | 'REDUCE NUMBER OF FISHING BOATS', NEWS, NST -2 | |
| 11. | FISHERMEN'S MARKET A SHELL OF ITS FORMER SELF, NEWS, NST -3 | |
| 12. | FISHERIES DEPT SAYS STRATEGIES IN PLACE TO MEET NEEDS, NEWS, NST -3 | |
| 13. | DON'T OVERLOOK SMALL-SCALE, COMMUNITY FISHERIES', NEWS, NST -3 | |
| 14. | 'FISHERMEN LIVELIHOODS, FISH STOCKS AFFECTED BY UNSUSTAINABLE FISHING, NEWS, NST -4 | |
| 15. | 'MORE INPUT NEEDED ON FISHERIES PLAN', NEWS, NST -4 | |
| 16. | AGROBANK, ADFIMI KUKUH KERJASAMA, BISNES, HM -24 | AGROBANK |
| 17. | JANGAN BERLEBIHAN NAIKKAN HARGA AYAM, NEGARA, KOSMO -16 | LAIN-LAIN |
| 18. | PJKM DILAKSANAKAN DI 154 LOKASI DI SARAWAK, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE | |
| 19. | RM40,000 BELI DRON PANTAU DUSUN DURIAN, NASIONAL, BH -18 | |
| 20. | 'PENIAGA DIGESA PERJELAS ISU CAJ POTONG AYAM', NASIONAL, BH -18 | |
| 21. | CAJ POTONG AYAM RM!, LOKAL, HM -9 | |
| 22. | PELABURAN BERBALOI RADIANCE AGROTECH, NIAGA, KOSMO -37 | |
| 23. | DURIAN NAIK HARGA HUJUNG MINGGU, NEGARA, KOSMO -17 | |
| 24. | HARGA AYAM TIDAK TERKAWAL, DALAM NEGERI, UM -3 | |
| 25. | BAJA KIMIA FERTIGASI NAIK 120 PERATUS, DALAM NEGERI, UM -10 | |
| 26. | PENINGKATAN KOS JEJASKAN SEKURITI MASA DEPAN MAKANAN NEGARA, DALAM NEGERI, UM -10 | |
| 27. | NO CHICKEN SUPPLY SHORTAGE IN WAKAF BARU, SAYS TRADERS, NEWS, NST -8 | |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/6/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 19 |

# Elak pesawah padi alami kerugian

## Operasi pembenihan awan di kawasan Empangan Bukit Merah

Oleh IZWAN ROZLIN
SUBANG

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) melakukan Operasi Pembenihan Awan (OPA) di kawasan Empangan Bukit Merah, Semanggol, Perak pada Sabtu.

Timbalan Menteri MAFI I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, OPA dilakukan di empangan itu berikutan kawasan berkenaan mengalami hujan yang sedikit.

"Paras air di Empangan Bukit Merah mencapai tahap kritikal sejak 27 Mei lalu yang telah mengakibatkan gangguan bekalan air bagi tujuan domestik, industri dan pengairan sawah padi," katanya pada sidang akhbar di Pangkalan Skuadron 20, TUDM Subang di sini pada Sabtu.

Turut hadir Pegawai Laksana Pangkalan Udara Subang, Kolonel Yusri Jamari dan Pegawai Memerintah No 20 Skuadron, Leftenan Kolonel Faizul Hussein.

Menurutnya, operasi itu membabitkan kawasan tadahan empangan berkenaan yang mengalirkan air kepada kawasan sawah seluas 19,058 hektar di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian dan 1,267 hektar kawasan IADA Pulau Pinang.

"Padi baru ditanam dalam satu hingga dua bulan, masa inilah kita hendak pastikan supaya air mencukupi. Kita tidak mahu membebankan pesawah yang sudah berhabisan modal," katanya.

Tambah beliau, operasi yang turut membabitkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) itu memberi manfaat kepada lebih 10,000 orang pesawah dari dua kawasan IADA.

"Sektor perikanan, pengilangan setempat turut mendapat manfaat melalui penerbangan OPA.



Ahmad Hamzah bersama Yusri (kanan), Faizul dan Zie Hui (kiri) meninjau persiapan untuk melakukan pembenihan awan di TUDM Subang pada Sabtu.

"Anggaran kos penerbangan OPA adalah dalam lingkungan RM80,000 bagi setiap operasi," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Operasi MetMalaysia, Lim Zie Hui memberitahu, OPA menggunakan teknik semburan menggunakan 4,800 liter larutan garam dan operasi itu akan mengambil masa dua atau tiga hari.

Jelas beliau, semburan akan dibuat pada ketinggian 7,000 atau 8,000 kaki dari aras laut kerana lazimnya gumpalan awan boleh didapati pada aras 5,000 kaki.

Zie Hue berkata, berdasarkan analisis, keadaan cuaca agak baik dan peluang pembenihan awan untuk menghasilkan hujan amat tinggi.



20 JUN, 2022

MAFI, MOSTI mampu hasil teknologi baharu

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



# MAFI, MOSTI mampu hasil teknologi baharu

## Usaha perkukuh sekuriti makanan negara bagi memastikan bekalan makanan terus mencukupi

**KUALA KANGSAR: Kebersamaan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berkaitan teknologi baharu, diperlukan bagi memperkukuh sekuriti makanan negara selain memastikan bekalan makanan terus mencukupi.**

> “Kita yakin untuk bergerak ke pertanian moden menerusi sinergi antara kedua-dua kementerian selain penglibatkan kerajaan negeri dan pihak swasta, secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan kepada bekalan import.”
>
> Datuk Seri Ronald Kiandee
> Menteri MAFI



GIMIK PELANCARAN: Saarani (duduk, dua kiri) serta Ronald (duduk, tiga kanan) bergambar bersama selepas selesai menanam cili ketika mengadakan lawatan ke Pusat Pemasaran Agromakanan di FAMA Manong di Perak, kelmarin. — Gambar Bernama



BEBAS RACUN: Saarani (dua kiri) mendengar penerangan dari Ronald (dua kanan) selepas melihat sayuran tanaman sawi ketika mengadakan lawatan ke Pusat Pemasaran Agromakanan di FAMA Manong di Perak, kelmarin. — Gambar Bernama

Menteri MAFI Datuk Seri Ronald Kiandee berkata penggunaan teknologi aplikasi dalam penghasilan makanan berasaskan pertanian dan agromakanan seperti Internet pelbagai benda (IoT) dan kecerdasan buatan (AI), kini semakin penting demi kelangsungan bekalan dan untuk manfaat rakyat Malaysia.

“Menerusi teknologi, walaupun ada ruang (tanah) yang kecil, tetapi pengeluaran masih dibuat melalui pendekatan teknologi terbaik, untuk kelangsungan dan penambahan bekalan sayuran dan buah-buahan. Ini semua dapat dipertingkatkan menerusi aplikasi teknologi.

“Kita yakin untuk bergerak ke pertanian moden menerusi sinergi antara kedua-dua kementerian selain penglibatkan kerajaan negeri dan pihak swasta, secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan kepada bekalan import.

“Kita perlu kurangkan bekalan import termasuk padi, buah-buahan dan sayuran dan sebaliknya memaksimakan ruang yang ada untuk kita eksport hasil kita ke negara lain,” katanya selepas melawat Projek Pasar Tani Kekal (PTK) Kuala Kangsar dan Pusat Pemasaran Agromakanan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Manong.

Turut hadir Menteri Besar Perak Datuk Seri Saarani Mohamad, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas) merangkap Ahli Parlimen Kuala Kangsar Datuk Mastura Mohd Yazid, Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Razman Zakaria dan Ketua Pengarah FAMA Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

Jelas Ronald, pelbagai usaha dibuat kementerian dan agensi terbabit demi memastikan bekalan makanan negara mencukupi, tidak terjejas mahupun terganggu menerusi pertanian moden seperti menggunakan teknologi hidroponik.

Dalam pada itu, Saarani berkata kerajaan negeri bersedia di dalam kapasiti yang ada bagi untuk menambah pusat agromakanan di negeri ini selain di Manong, Kuala Kangsar ini untuk tujuan pertanian yang antara lain dapat menambah pendapatan penduduk setempat.

“Pertanian perlu kaedah dan teknologi baharu, tidak perlu luas. Yang penting ia berupaya mengeluarkan hasil untuk dipasarkan orang kampung. Ini juga rangkaian penting bagi persiapan kita sebagai hub bekalan makanan dan memastikan ‘food security’ mencukupi.

“Kita ingin jadikan Perak sebagai pengeluar makanan terbesar. Saya yakin ini boleh dilakukan selepas perbincangan dengan pihak MAFI dan MOSTI. Ia boleh dijayakan kerana Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) ada membuat projek tanaman untuk agromuda (golongan muda dalam bidang sektor agromakanan),” jelasnya.

Sementara itu, Mastura berkata pusat ini telah memenuhi impian penduduk Kuala Kangsar sebagai hub pelbagai hasil pertanian yang memberi impak kepada masyarakat sekeliling khasnya anak muda yang ingin berkecimpung di dalam bidang pertanian.

Menerusi siaran media, Pusat Pemasaran Agromakanan FAMA di Manong, Kuala Kangsar, satu-satunya di Perak, telah dinaik taraf di atas tanah berkeluasan empat ekar sebagai model perniagaan dan pusat rujukan pemasaran hasil pertanian berteknologi.

Pembangunan pusat ini secara langsung dapat memberi peluang dan pendedahan kepada golongan belia mengenai teknologi terkini di dalam sektor pertanian, sekali gus mengoptimumkan penggunaan tanah-tanah terbiar milik Kerajaan dengan mengaplikasikan konsep IoT, iaitu menggunakan kaedah sistem fertigasi, hidroponik dan akuaponik dalam satu kawasan.

Pusat ini juga mempunyai pelbagai fasiliti di bawah satu bumbung iaitu pusat latihan, pusat jualan & pemborongan, tapak pertanian, kafeteria dan medan penjaja, Medan Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) dan pertanian pintar (akuaponik & vertical farming), projek pertanian fertigasi.

Projek ini juga adalah manifestasi Kerajaan untuk mengoptimumkan penggunaan tanah terbiar dan tidak dibangunkan milik Kerajaan Persekutuan dan tanah Rizab Melayu disewakan bagi projek pertanian atau perniagaan. — Bernama

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/6/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 9 |

# Teknologi pertanian pintar jamin sekuriti makanan

## Inisiatif terbaik pastikan kelangsungan bekalan negara

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

**Kuala Kangsar:** Teknologi terkini dalam sektor pertanian dilihat sebagai jalan terbaik memastikan kelangsungan bekalan makanan di negara ini terjamin melalui impak pengeluaran makanan yang lebih besar, meningkatkan pendapatan petani, penggunaan sumber dan input pertanian lebih cekap.

Justeru penubuhan pusat yang berfungsi sebagai model perniagaan dan rujukan pemasaran hasil pertanian berteknologi adalah perlu kerana ia bukan sahaja berperanan sebagai pusat pengumpulan hasil pertanian, tetapi juga memberi galakan kepada masyarakat untuk bercucuk tanam seterusnya berupaya memasarkannya.

Mengambil iktibar ini, Pusat Pemasaran Agromakanan FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) Manong, di sini diwujudkan, sekali gus memberi peluang dan pendedahan kepada golongan belia mengenai teknologi terkini sektor pertanian.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata Pusat Pemasaran Agromakanan FAMA Manong di atas tanah berkeluasan 1.6 hektar itu sudah melalui proses naik taraf sebagai model perniagaan dan pusat rujukan pemasaran hasil pertanian berteknologi.

Beliau berkata, ia adalah yang pertama seumpamanya di Perak dan pembangunan pusat itu, sekali gus adalah manifestasi kerajaan mengoptimumkan penggunaan tanah terbiar dan tidak dibangunkan milik kerajaan Persekutuan serta tanah Rizab Melayu yang disewakan bagi projek pertanian atau perniagaan.

Katanya, komponen di dalam pusat pemasaran berkenaan merangkumi Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi yang berperanan sebagai pusat latihan bagi pertanian pintar berkonsepkan akuaponik dan *vertical farming*, serta projek pertanian fertigasi yang kini sudah dimulakan.

Katanya, 28 usahawan yang sebelum ini berniaga di tepi jalan dan rumah persendirian juga dikumpulkan di pusat pemasaran terbabit dengan memperoleh manfaat peningkatan pendapatan sebanyak 20 peratus.

Ronald berkata, kebersamaan Kementeraian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berkaitan teknologi baharu untuk pengaplikasian dalam penghasilan produk pertanian dan agromakanan, termasuk internet pelbagai benda (IoT) dan kecerdasan buatan (AI) diperlukan bagi memperkukuh sekuriti makanan negara.

"Melaluinya pengeluaran sayuran dan buah-buahan bahkan ternakan ikan masih dibuat melalui pendekatan teknologi terbaik walaupun ada ruang tanah yang kecil.

"Kita yakin untuk bergerak ke pertanian moden menerusi sinergi antara kedua-dua kementerian selain pembabitan kerajaan negeri dan pihak swasta, secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan kepada bekalan import.

"Tentu sekali, ia juga memerlukan pembabitan pihak swasta bagi membangunkan industri pertanian agromakanan kepada satu tahap lebih tinggi termasuk kajian yang sentiasa dibuat berkaitan teknologi yang ada ke arah pertanian lebih moden," katanya ketika membuat lawatan kerja ke pusat itu, kelmarin.

Yang turut hadir, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Mastura Mohd Yazid dan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

Sementara itu, Zainal Abidin berkata, sebagai rekod, kaedah berkenaan yang hanya memerlukan dua tenaga kerja memberi pulangan sehingga RM90,000 pada suatu tempoh dengan pengeluaran dua komoditi iaitu sayuran berdaun organik sebanyak 3.3 tan metrik dan ikan tilapia sebanyak 4,000 ekor.

Katanya, pusat pemasaran Agromakanan FAMA Manong dilengkapi pelbagai fasiliti, termasuk pusat latihan, pusat jualan dan pemborongan, tapak pertanian, kafeteria dan medan penjaja iaitu Medan Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS), serta pertanian pintar.

Dalam perkembangan berkaitan Zainal Abidin berkata, tiga lagi Pasar Tani Kekal (PTK) akan dibina oleh FAMA membabitkan kos kira-kira RM12 juta untuk tahun ini yang akan bermula Ogos depan iaitu di Cameron Highlands, Putrajaya dan Kuala Lipis, Pahang.



*Saarani (tengah) bersama Ronald (kiri) melihat sayuran yang ditanam di Pusat Pemasaran Agromakanan FAMA Manong di Kuala Kangsar.*

Katanya, sehingga kini terdapat 40 PTK di seluruh negara yang mana lima daripadanya sedang dalam pembinaan, termasuk PTK Kuala Kangsar yang dijangka siap sepenuhnya pada Januari 2023, selain di Kampung Gajah, Perak; FELDA Palong, Negeri Sembilan; Kuala Krai, Kelantan dan Seberang Jaya, Pulau Pinang.

Beliau berkata, untuk PTK Kuala Kangsar, projek bernilai RM4 juta itu adalah transformasi pasar awam sebagai pusat sehenti dengan pengurusan lebih sistematik melalui penyediaan 116 lot baharu yang dijangka akan meningkatkan pendapatan dan nilai jualan peserta sebanyak 30 peratus.

"Setakat ini terdapat 40 PTK di seluruh negara, termasuk lima yang masih dalam pembinaan dengan jumlah peruntukan keseluruhan bagi penubuhan PTK adalah RM147.57 juta.

"Program ini (PTK) akan diteruskan sehingga akhir Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) menerusi peruntukan yang sudah diberi," katanya.

Beliau berkata, untuk tahun ini, jumlah kutipan jualan yang diperoleh setakat Mei lalu bagi kesemua PTK di negara ini ialah RM85 juta membabitkan 2,000 peniaga dengan sasaran nilai jualan sehingga hujung tahun ini adalah kira-kira RM200 juta.



*Saarani bersama Ronald menyaksikan demonstrasi teknologi pertanian yang digunakan ketika melawat Pusat Pemasaran Agromakanan FAMA Manong di Kuala Kangsar.*

(Foto L Manimaran/BH)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/6/2022 | HARAKAH | PERTANIAN TERENGGANU | H22 |

# 'Food Security', Terengganu lebih kedepan



Menjengah ternakan lembu.

Oleh **KHAIRUL AZLAM MOHAMAD**

**MARANG:** Hari ini apabila orang bercakap tentang *'food security'* atau jaminan keselamatan makanan negara, kerajaan Terengganu sebenarnya telah mengambil langkah awalnya ketika berlaku Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, sebelum orang lain bercakap dan timbulnya isu food security, kerajaan Terengganu telah memulakan langkah persiapan itu.




Dr Azman Ibrahim melayan pertanyaan wartawan.

Katanya, kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Terengganu telah merangka suatu pelan bagi tempoh pada tahun 2019-2023.

"Sebelum orang lain bercakap tentang *'food security'* (jaminan makanan), kita (Terengganu) telah bercakap dan membuat persediaan tentang food security.

"Maknanya, kita beberapa langkah ke hadapan daripada orang lain. Sebelum, daripada krisis ini melanda kesan daripada PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) Covid-19 pada Mac 2020, diikuti dengan beberapa krisis politik dan peperangan (luar negara).

"Kita sebenarnya telah meletakkan dalam Pelan Strategi Pertanian Negeri Terengganu 2019-2023 untuk menjadikan negeri Terengganu ini sebagai pengeluaran makanan.

"Pelan kita ini sedang bergerak 'on the trek', saya ambil contoh bahan makanan asas beras, padi. Pada 2018, tahap sara diri (SSL) padi kita 43 peratus.

"Tahun 2019 naik kepada 48 peratus, tahun 2020 naik lagi ke 53 peratus dan tahun 2021 sempena Tahun Pertanian Terengganu 2021 kita sasarkan dalam 56 peratus tetapi kita mampu capai sekitar 55 peratus, kurang sedikit sahaja," ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada wartawan selepas Majlis Penjenamaan Semula Minuman Isotonik Sweet Nira (Air Nira) Terengganu di Dataran Batu Putih, Marang, Terengganu, baru-baru ini.

Hadir sama pada majlis penjenamaan semua air nira itu, Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Terengganu, merangkap Pengerusi MAFI Terengganu, Zulkifli Amin Mat Jusoh, Pengarah Jabatan Perikanan Terengganu, Rozaidi Mamat, Pengarah LKIM, Rosli Mustafa dan Pengerusi Dataran Batu Putih, Nor Azman Hassan.

Dr Azman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jabi menyifatkan, hasil dari perancangan pelan itu golongan nelayan pantai mampu tersenyum meskipun pada musim tengkujuh lalu.

"Segi tangkapan ikan di laut pula, data daripada Januari hingga April lalu menunjukkan peningkatan kadar tangkapan nelayan pantai sekitar 10 peratus.

"Maknanya, program memperkayakan sumber perikanan kita menunjukkan keberhasilan yang nyata. Musim tengkujuh baru-baru ini nelayan-nelayan boleh tersenyum lebar.

"Biasanya, bila sampai musim tengkujuh adalah musim nelayan *'pecah celeng'* (tabung). Tapi, kali ini bukan sahaja tabung tidak perlu pecah, malah boleh simpan lagi untuk tabungan.

"Saya boleh letak di antaranya ialah keberhasilan segera dari program memperkayakan sumber perikanan kita," jelasnya.

Menurutnya, begitu juga bekalan ayam dan ternakan haiwan lain yang perlu dibuat persiapan agar tidak terputus bekalan tersebut.

"Bekalan ayam di Terengganu, SSL kita sudah 64.18 peratus lebih dan dalam 30 peratus lebih sahaja yang kita bawa masuk daripada luar. Tetapi, kita masih tidak berpuas hati dengan sekadar 64 peratus itu.

"Sebab itu, kita wartakan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TPKM) di Kampung Telaga Papan, Setiu dan Kampung Mengadang Baling, Kuala Nerus sebagai zon penternakan ungags, yang lengkap dengan pelbagai kemudahan infrastruktur asas.

"Kita pelawa pelabur-pelabur untuk datang melabur dan infrastruktur asas sudah tersedia seperti jalan, bekalan elektrik dan sebagainya untuk mereka bina reban-reban ayam yang menggunakan secara 'close sistem' kerana kita menggalakkan reban ayam secara 'open sistem'. Close Sistem ini untuk mengelakkan pencemaran lalat serta bau busuk," tegasnya.

Dr Azman yang juga Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat berkata, isu harga bekalan makanan yang melambung tinggi sedang di atas dengan beberapa perancangan.

Katanya, kerajaan Persekutuan ada program khusus di bawah pakej Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA).

> ..program memperkayakan sumber perikanan kita menunjukkan keberhasilan yang nyata. Musim tengkujuh baru-baru ini nelayan-nelayan boleh tersenyum lebar.
> "Biasanya, bila sampai musim tengkujuh adalah musim nelayan 'pecah celeng' (tabung). Tapi, kali ini bukan sahaja tabung tidak perlu pecah, malah boleh simpan lagi untuk tabungan.

"Dari segi ternakan, kita ada program khusus yang dibiayai daripada dana di bawah pakej LAKSANA, MOF di bawah pakej dana jaminan keselamatan makanan, diterajui oleh TADC untuk kita menceburi penternakan lembu secara semi 'fidlod' di Kampung Pak Kancil, Setiu.

"Di samping lembu-lembu diternakan secara integrasi dalam ladang sawit, milik Ladang Rakyat, milik TDM dan sebagainya.

"Dalam masa yang sama, padang-padang ragut kita yang masih beribu-ribu hektar lagi terbiar, kita bangunkan untuk mempertingkatkan dan yang paling besar sekali kita melihat masalah kepada industri penternakan ini ialah sumber makanan ternakan," ujarnya.

Oleh kerana itulah, katanya dalam perancangan kerajaan negeri untuk membina sebuah kilang makanan ternakan di Bukit Kor, Marang.

"Gabungan daripada pengusaha swasta dengan anak-anak syarikat kerajaan negeri (GLC) Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (Terengganu Inc) dan juga pihak swasta yang menjadi pemilik kepada tanah di Bukit Kor, Marang.

"Kita telah buat kajian oleh pakar-pakar kita dan Insya'Allah, kilang ini akan memanfaatkan sumber-sumber tempatan, sehingga 80 peratus daripada bahan mentah tempatan.

"Ini kerana, isu peningkatan harga bahan makanan ternakan disebabkan kebergantungan keterlaluan kita kepada bahan mentah yang diimport seperti jagung, bijian dan kacang soya.

"Jagung bijirin dan kacang soya itu kita ganti dengan isi ron kelapa sawit dan protin kacang soya pula, kita nak ganti dengan ikan tilapia hitam," jelas beliau.

Selain itu, kata Dr Azman tanaman rumput minyak, rumput napier dan lain-lain juga boleh dimanfaatkan di padang ragut.



Dr Azman melihat ladang rumput napier.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/6/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI PAHANG | 31 |

# Aktiviti mencandat sotong perlu lesen

## Hanya dibenarkan selepas nelayan memiliki lesen vesel dan guna peralatan mengail sahaja

Oleh NORAWAZNI YUSOF
KUANTAN

Jabatan Perikanan Pahang memberi amaran tindakan tegas boleh dikenakan terhadap nelayan yang menjalankan aktiviti menangkap atau mencandat sotong tanpa lesen di perairan negeri ini.

Pengarahnya, Abdullah Jaafar berkata, aktiviti mencandat sotong hanya dibenarkan selepas memiliki lesen vesel daripada pihaknya dan perlu menggunakan peralatan mengail yang dibenarkan sahaja.

Menurutnya, mereka yang tidak memiliki lesen akan dikenakan kompaun mengikut Akta Perikanan 1985 jika didapati melanggar peraturan.

"Bagi kes tidak mempunyai lesen, mereka yang terlibat boleh didakwa di mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM20,000 atau dipenjara atau kedua-duanya.

"Mereka yang mempunyai lesen tetapi melanggar peraturan ditetapkan boleh dikenakan kompaun tidak kurang RM500, jika didapati bersalah mengikut peruntukan yang telah digariskan," katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Beliau menjelaskan, mereka yang memiliki lesen perlu mematuhi setiap peraturan seperti menjalankan aktiviti menangkap sotong dan ikan di luar kawasan dua batu nautika dari pantai.

Abdullah menambah syarat yang ditetapkan oleh jabatan bertujuan menjaga sumber perikanan supaya tidak terjejas dan menjaga kelestarian di perairan Pahang.



ABDULLAH

"Adalah penting kesedaran semua pihak berhubung tindakan perlindungan kepada sumber perikanan yang perlu diberi perhatian," ujarnya.

Menurut Abdullah, mencandat sotong antara produk pelancongan di Pahang yang menjadi salah satu punca pendapatan nelayan.

"Saya difahamkan ketika ini musim sotong, jadi ia memberi peluang kepada nelayan dan pelancong mencandat sotong. Pelancong akan menyewa bot nelayan setempat untuk turun ke laut, hasil yang diraih dikatakan memuaskan.

"Jadi aktiviti ini (mencandat) sotong dilakukan oleh pelancong dan nelayan tempatan di perairan Kampung Mukut, Pulau Tioman dan beberapa perairan di negeri ini," katanya.

isentia

AUTHOR: No author available SECTION: NEWS PAGE: 15 PRINTED SIZE: 76.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 283.00 ITEM ID: MY0048621885



20 JUN, 2022

Tiga lagi Pasar Tani Kekal bakal dibina FAMA tahun ini

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



# Tiga lagi Pasar Tani Kekal bakal dibina FAMA tahun ini

**KUALA KANGSAR:** Tiga lagi Pasar Tani Kekal (PTK) akan dibina masing-masing di Cameron Highlands, Putrajaya dan Kuala Lipis, Pahang tahun ini membabitkan kos kira-kira RM12 juta.

Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata pembinaan PTK tersebut akan bermula Ogos ini menerusi peruntukan daripada kerajaan Persekutuan dengan kerjasama kerajaan Negeri.

"Sebelum sesuatu PTK itu dibina, kita akan membuat kajian terperinci yang dilakukan pihak ketiga bagi memastikan projek dilaksanakan itu benar-benar berpotensi dan memberi faedah kepada penduduk sekitar.

"Program ini akan diteruskan sehingga akhir Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) menerusi peruntukan yang telah diberi," katanya selepas melawat Projek PTK Kuala Kangsar dan Pusat Pemasaran Agromakanan FAMA Manong kelmarin.

Turut hadir Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Ronald Kiandee, Menteri Besar Perak Datuk Seri Saarani Mohamad, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas) merangkap Ahli Parlimen Kuala Kangsar Datuk Mastura Mohd Yazid, Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri Razman Zakaria.

Katanya FAMA menyasarkan nilai jualan kira-kira RM200 juta daripada PTK seluruh negara pada tahun ini dengan jumlah kutipan yang diperoleh setakat Mei ialah sebanyak RM85 juta membabitkan 2,000 peniaga. — Bernama

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



20 JUN, 2022

# Tiga lagi Pasar Tani Kekal bakal dibina FAMA tahun ini

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



## SUMMARIES

KUALA KANGSAR: Tiga lagi Pasar Tani Kekal (PTK) akan dibina masing-masing di Cameron Highlands, Putrajaya dan Kuala Lipis, Pahang tahun ini membabitkan kos kira-kira RM12 juta. Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata pembinaanPTKtersebutakan bermula Ogos ini menerusi peruntukan daripada kerajaan

Persekutuan dengan kerjasama kerajaan Negeri.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/6/2022 | KOSMO | NEGARA | 16 |

Pihak berkuasa masih boleh bertindak terhadap peniaga kaut untung berlebihan

# Jangan berlebihan naikkan harga ayam

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB



SKIM harga maksimum runcit ayam akan berakhir pada 30 Jun ini.

**SHAH ALAM** – Para peniaga masih boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan AntiPencatutan (AKHAP) 2011 sekiranya didapati mengaut keuntungan berlebihan meskipun harga ayam diapungkan bulan depan.

Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, apabila harga diapungkan bererti kedudukan harga akan berasaskan kepada bekalan dan penawaran.

Katanya, pihaknya percaya kerajaan mempunyai mekanisme untuk membantu golongan terkesan.

"Walaupun tidak wujud lagi harga siling ayam, namun KPDNHEP masih lagi mempunyai kuasa di bawah AKHAP untuk menyiasat sekiranya berlaku elemen pencatutan.

"Kalau kenaikan itu tidak munasabah, kita masih ada kuasa untuk siasat dan mengambil tindakan serta mengenakan hukuman sekiranya harga dikenakan oleh peniaga tersebut melebihi kadar dibenarkan mengikut akta itu," katanya di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas harga ayam dijangka naik bulan depan apabila ia diapungkan ekoran berakhirnya skim harga maksimum runcit ayam pada 30 Jun ini.

Ketika ini, harga maksimum runcit ayam bulat standard adalah pada RM8.90 sekilogram dan ayam bulat super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal) pada RM9.90 sekilogram.

Ketika ditanya mengenai kadar harga tidak munasabah, Azman menjelaskan pihaknya mempunyai formula tertentu dalam memastikan tiada mana-mana pihak mengambil kesempatan terhadap pengapungan harga ayam itu.

"Contohnya, kalau dahulu keuntungannya sekilogram adalah RM1.50. Sekarang ini, apabila harga dibebaskan (apungkan), peniaga ambil untung RM3 sekilogram. Itu pencatutan.

"Konsep dan formulanya (dalam kesan peniaga yang mengaut untung berlebihan)," jelasnya.

# Bekalan stok ikan negara dijangka pulih bulan ini

**TAIPING** – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menjangkakan stok bekalan ikan bagi keperluan negara akan kembali pulih pada bulan ini apabila cuaca kembali normal.



SYED ABU HUSSIN (tiga dari kiri) menyampaikan cek replika dalam Program Bantuan Kasih Suri Keluarga Malaysia di Dewan Terbuka P059, Taiping semalam.

Sebelum ini stok bekalan ikan tidak stabil disebabkan keadaan cuaca yang tidak menentu, namun kembali normal sejak Mei lalu.

Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, keadaan cuaca yang tidak menentu mengakibatkan ikan yang didaratkan berkurangan.

"Sebab itu saya tekankan LKIM untuk beli ikan dengan banyak ketika musim pendaratan dan simpan sejuk beku, beli dengan nelayan bukan dengan syarikat swasta bagi memastikan stok cukup ketika musim tengkujuh," jelasnya.

Beliau sebelum itu hadir pada majlis penyerahan kasih suri keluarga Malaysia Parlimen Bukit Gantang di Dewan Terbuka P059 di sini semalam.

Tambah Syed Abu Hussin Hafiz, LKIM ada kilang dan tempat simpan stok bekalan ikan jadi tidak timbul isu simpanan berkurang jika semua melakukan usaha dan tugas masing-masing dalam menyimpan stok bahan makanan itu.

"Isu kartel melibatkan bekalan ikan tidak sepatutnya timbul sebaliknya LKIM sendiri yang tidak membuat persediaan awal menyimpan stok ikan," tegasnya.

Tambah beliau, kumpulan kartel kemudian mengambil kesempatan mengurangkan bekalan ikan di pasaran dan seterusnya menentukan harga.

"Tiada penyimpanan stok bekalan ikan dalam skala yang besar ketika musim pendaratan yang banyak merupakan antara faktor penyebab harga ikan tidak stabil dalam pasaran negara bukannya isu kartel," katanya lagi.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/6/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 10 |

# Bekalan ikan belum stabil

## Faktor cuaca yang masih tidak menentu punca pendaratan ikan berkurangan

Oleh SAIFULLAH AHMAD
TAIPING




Syed Abu Hussin (tiga dari kiri) menyempurnakan Majlis Penyerahan Bantuan Kasih Suri Keluarga Malaysia di Dewan Terbuka Pejabat Pusat Khidmat P059 pada Ahad.

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mengakui bekalan ikan bagi keperluan negara masih belum stabil susulan keadaan cuaca yang masih tidak menentu.

Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, kebiasaannya pada bulan Mei cuaca kembali seperti sedia kala tetapi sehingga kini masih tidak menentu sekali gus menyebabkan ikan yang didaratkan berkurangan.

Menurutnya, LKIM perlu mengambil langkah awal dengan mendapatkan sebanyak mungkin ikan untuk disejukbekukan ketika musim penangkapan.

"Sebab itu saya tekankan kepada LKIM untuk membeli ikan ketika musim pendaratan daripada nelayan bagi membuat penyimpanan sejuk beku, bukan membeli daripada swasta bagi memastikan stok mencukupi apabila berlaku musim tengkujuh.

"LKIM mempunyai kilang dan tempat penyimpanan sendiri. Apabila stok ikan ada dalam simpanan, tidak timbul soal bekalan kurang sekali gus mengatasi masalah kartel," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Bantuan Kasih Suri Keluarga Malaysia di Dewan Terbuka Pejabat Pusat Khidmat P059 di sini pada Ahad.

Syed Abu Hussin berkata, isu kartel melibatkan bekalan ikan timbul disebabkan LKIM tidak membuat persediaan awal untuk menyimpan stok ikan.

Menurutnya, kumpulan kartel kemudian mengambil kesempatan mengurangkan bekalan ikan di pasaran dan seterusnya menentukan harga.

Dalam pada itu, beliau mengakui wujud masalah dalaman apabila terdapat pegawai di dalam LKIM yang mengambil ringan mengenai cadangan penyimpanan stok ikan itu.

Jelas beliau, pertemuan dengan Ketua Setiausaha Negara sedang diusahakan bagi membincangkan tindakan lanjut yang boleh diambil.

Ujarnya, tindakan tersebut bukan bersifat peribadi sebaliknya bertujuan memastikan LKIM menjalankan peranan dalam memastikan bekalan makanan negara terjamin.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/6/2022 | NST | MUKA DEPAN | 1 |

NEW STRAITS TIMES
ESTABLISHED 1845
PP413/09/2012 (030687) | JUNE 20, 2022 | MONDAY | RM2.00



PIC BY NIK ABDULLAH NIK OMAR

# NOT ENOUGH FISH

MALAYSIA'S fishing industry is facing a grim future due to decades of unsustainable fishing practices and climate change. Fishmongers say supply is becoming scarce, forcing many of them to close shop.

» REPORTS BY AHMAD MUKHSEIN MUKHTAR ON PAGES 2 & 3

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/6/2022 | NST | NEWS | 2 |





*Fish seized by the marine police from people suspected of fish bombing off Pulau Gaya in Sabah.* FILE PIC

**OVERFISHING**

# 'REDUCE NUMBER OF FISHING BOATS'

## Expert also says subsidies should be gradually ended, coastal areas protected

AHMAD MUKHSEIN MUKHTAR
**SINTOK**
news@nst.com.my

MALAYSIA'S fishing industry is facing a grim future as decades of unsustainable and irresponsible fishing practices have depleted fishery resources.

Experts believe that the cold, hard facts behind the recent marine catch supply issues are clear: Malaysia's inshore and coastal resources have been overfished.

Failure to quickly formulate new strategies, they said, could worsen the situation.

Associate Professor Dr Mohammad Zaki Ahmad, who is a lecturer at Universiti Utara Malaysia's School of International Studies, said the government has to focus on long-term solutions such as emphasising sustainable fishing practices.

Zaki, who is an expert on Responsible Fisheries Management, said fuel subsidies for C2 Class fish vessel operators may stabilise the nation's fish supplies in the short term.

But they will not help in the long term.

"We may try to increase fishing capacity so more fish can be harvested further offshore. However, this should be considered a short-term solution.

"We need to push our fishing industry to start deep-sea fishing, an area that is still in its infancy in Malaysia.

"We have not capitalised on this, especially when it comes to lucrative tuna fisheries in the deep seas," he told the *New Straits Times*.



*Associate Professor Dr Mohammad Zaki Ahmad*

Zaki said there must be a holistic approach to ensuring the sustainability of the national fisheries industry, in particular pertaining to maritime law enforcement and fisheries development policies.

He said to prevent overexploitation of fish stocks, the number of fishing boats and fishermen should be reduced.

"It is crucial that we protect the marine environment and ecosystem.

"Coastal areas which are critical to fisheries need to be identified and protected from harmful activity or development projects, such as land reclamation.

"The government should gradually eliminate fishing subsidies to prevent overcapacity.

"Even the World Trade Organisation is right now conducting efforts to eliminate harmful fishing subsidies that can affect the sustainability of fishing resources."

He acknowledged that changes in weather patterns caused by climate change caused fish supply shortages.

He said the depletion of inshore

>> Turn to Page 3

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/6/2022 | NST | NEWS | 3 |

# Fishermen's market a shell of its former self

**ALOR STAR:** When Salmiah Ramli first became a fishmonger, there was never a shortage of fish to sell.

The Kuala Kedah fishermen's market was a hive of activity, with customers jostling with each other to secure the freshest catch of the day from barrels of fish supplied by fishermen who tirelessly made the journey out to sea every day.

A decade later, the market is a shadow of its former self.

Only four stalls remain open for business.

The four fishmongers, including Salmiah, no longer have a wealth of choices. They sell the little that the fishermen bring in for them on any given day.

Salmiah, 58, said supply had improved slightly.

In the past few weeks, bad weather had prevented fishermen from going out to sea.

However, the overall situation remains grim.

"When I first started selling here in 2010, we had many barrels of fish to sell. The market was teeming with fishmongers and business was great.

"However, supplies have dwindled over the years. Things have also gotten worse over the past four months," she told the *New Straits Times*.

She said the acute shortage of fish, caused by unpredictable weather, is putting a strain on coastal fishermen.

"Many of us were forced out of business. On really bad days, maybe two stalls would open as there would be no fresh catch to sell."

Salmiah said the scarcity of supplies has caused prices to shoot up.

She said ikan kembung (mackerel) used to retail at RM8 per kg, but is now sold at RM15 per kg.



*Salmiah Ramli (second from right) at her fish stall at the Kuala Kedah fishermen's market in Alor Star.* PIC BY AHMAD MUKHSEIN MUKHTAR

The sellers also only get around three to four kilogrammes of ikan tenggiri daily.

The fish, she said, is also getting smaller. And so is their profit margin.

Another fishmonger, Naim Muhammad, 23, said he is struggling to get a supply of squid.

"Earlier this year, I was selling squid at RM28 per kg.

"Now, with the supply shortage, squid prices have gone up to RM35 per kg," he said.



*Abdul Hamid Bahari*

Naim added that they were also getting fewer ikan jenahak and ikan selayang, attributing this to the smaller number of bigger fishing vessels going out to sea.

Abdul Hamid Bahari, chairman of the National Fishermen's Association (Nekmat), urged the government to start funnelling fuel subsidies to deep-sea fishing vessels in the C2 Class category.

"The C2 Class vessel operators are badly hit by the skyrocketing price of diesel, which has breached the RM5 per litre mark.

"This is a huge difference compared with the RM1.65 per litre for smaller class boats such as class A, B, and C that benefit from government fuel subsidies."

Hamid said this has impacted the sea-catch volume as the smaller fishing boats were affected by unpredictable weather.

"Previously, fishing vessels would go out to sea four times per month, spend five to six days there before returning.

"Now, almost no boats are going out because the operating cost is too high.

"Many operators are reluctant to venture out into the open sea for fear of suffering huge losses due to the high fuel price."

# Fisheries dept says strategies in place to meet needs

» From Page 3

and coastal fishery resources in Malaysia had been forecast since the 1970s.

"Climate change is getting worse in intensity and frequency, especially in Southeast Asia.

"The monsoon season is more intense and lasts longer than before.

"We expected that this would affect local fishing operations, as fishermen cannot go out to sea. So fresh fish supplies and their incomes are affected.

"There are multiple other interrelated factors such as the destruction of marine ecosystems due to land reclamation projects, port dredging and destruction of seagrass, along with unsustainable and destructive fishing practices such as fish bombing, the use of dragon traps, push nets and encroachments by foreign fishermen.

"All these have affected our fresh fish supplies since the 1970s.

"Statistical records show we have depleted our resources due to improper coastal development and unsustainable fishing practices."



*Wan Muhammad Aznan Abdullah*

Meanwhile, deputy director-general of the Fisheries Department, Wan Muhammad Aznan Abdullah, said the request by fishing vessel operators for diesel subsidies had been forwarded to the Agriculture and Food Industries Ministry.

"The demand for marine products is expected to rise from 1.78 million metric tonnes in 2020 to 2.55 million metric tonnes in 2030.

"We have formulated several strategies in the long and short term to ensure that the needs of the aquaculture and marine sectors are met.

"The adaptation of inland fishing methods will be accelerated in each state to develop a more sustainable aquaculture sector and effective control.

"Among the measures that are implemented is intensifying biotechnology research programmes to produce high-quality fish breeds that are disease-resistant and have an optimal growth rate.

"This programme will increase the confidence of investors to venture into aquaculture.

"The long-term strategy is to increase the productivity of fish farms by modernising and digitalising food production systems.

"The short-term strategies include self-sustainable fish farming such as rearing catfish and tilapia in tanks," he added.

*Page 1 pic: A fisherman sorting out his catch at the Malaysian Fisheries Development Authority jetty in Kota Baru, Kelantan, on May 24.*

# 'Don't overlook small-scale, community fisheries'

**KOTA KINABALU:** The formulation of fisheries policies should take into account the small-scale fisheries sector, which could result in win-win solutions for fishermen, conservation efforts and maintaining food stocks.

Lower Kinabatangan Segama Wetlands Programme coordinator Neville Yapp said at present, policy formulation was mainly tailored to large commercial fishing vessels as it is assumed they contributed the most to the industry.

He said Sabah had the largest number of registered fishing vessels in the country.

"However, out of 20,000 vessels, about 70 per cent, or 15,000, are from small-scale fisheries.

"The contributions of small-scale fisheries to Sabah's socioeconomic situation is hugely overlooked.

"That is why small-scale fishing communities have no options and admit that they have a devastating impact (on the marine ecosystem).

"But what can they do if there are no safeguards for them?

"For marine conservation to work, communities with genuine ancestral inheritance in fishing grounds should be given more secure tenure, like *tagal* (traditional river rehabilitation system) in the freshwater ecosystem, and we can implement it in coastal areas."

Yapp was speaking at a panel discussion on "Out of Sight, Out of Mind" at the Sabah Shark and Ray Initiative showcase at the Tanjung Aru Marine Ecosystem Centre here yesterday.

The one-hour discussion also involved WWF-Malaysia marine policy manager Shantini Guna Rajan, Marine Research Foundation conservation officer Ho Kooi Chee and Kota Kinabalu Fishing Boat Owners secretary William Chong.

Yapp cited Chile as an example, saying the authorities' recognition of the roles and custodianship of indigenous communities led to the provision of legal tenure and the mandates given to the groups had helped fish stocks recover.

He said with the rapid growth of recreational fishing as alternative livelihoods for fishermen globally, the government should incorporate it as part of the proposed Sabah Fisheries Enactment.

He suggested that the authorities assess the national subsidy programmes for fishermen and look into whether it had effec-

» Turn to Page 4

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/6/2022 | NST | NEWS | 4 |

# 'Fishermen livelihoods, fish stocks affected by unsustainable fishing'

» From Page 3

tively helped them.

"In the last 20 years, recreational activities have grown rapidly, such as in the United States.

"In Sabah, it has presented alternative sources of income to a lot of fishermen covering the entire coastline, estuaries and mangroves.

"The Sabah Agriculture Blueprint talks about Sabah having a Fisheries Enactment, independent from federal regulations.

"That could be an opportunity to incorporate these examples if there is political will to do it."

Yapp, who also represented Land Empowerment Animals People, a non-governmental organisation, said the livelihoods of fishermen and the health of fish stocks were greatly affected by unsustainable fishing.

National fisheries statistics showed that the Fisheries Department reportedly loses RM6 billion annually due to encroachment by foreign fishermen.

"People in Kota Kinabalu used to depend on fish from Mengalum, but when that place became unproductive, they moved to Kota Belud. Then, Kota Belud people went to Kudat and Kudat people moved to Pitas, where it is less explored.

"It is going in a circle, in search of the next productive area. But area-based management is highly feasible in a marine landscape as fish replenishes fast.

"You don't need large areas to encourage the return of certain species. It can be as small as bodies of water in front of villages or estuaries if there are strategies to enable certain species that are important for local markets to grow."

Shantini said there was a need to look into small-scale fisheries for better management policy.

"Another thing is that with artisanal fishing or small-scale fisheries, they have over the years evolved a stronger capacity for extracting fish. With technology, they have greater horsepower (boat engine) capacity.

"While we have a deeper understanding of commercial or deeper water fish stocks, we don't have enough understanding of the level of stocks and the impact on coastal and small-scale fisheries in Sabah and throughout the country.

"Statistics can show that there is a decline. But what can we do about it? That needs a lot of collaboration." **By Olivia Miwil**



*Traditional coastal fishermen catching fish in front of their houses, off the Mantanani islands in Sabah recently.* PIC BY OLIVIA MIWIL



*Fresh fish being sold at the Semporna Fish Market on Saturday.* PIC BY MOHD ADAM ARININ

**SUSTAINABLE FISHING**

# 'MORE INPUT NEEDED ON FISHERIES PLAN'

By defining 'bycatch', we'll know what is taken out of oceans, says WWF-Malaysia

OLIVIA MIWIL
**KOTA KINABALU**
news@nst.com.my

STAKEHOLDERS should give suggestions about the government's effort to develop a fisheries management plan, including on the definition of "bycatch".

WWF-Malaysia marine policy manager Shantini Guna Rajan said there is no universally accepted definition for bycatch.

She said based on national fisheries statistics, there is no category for bycatch, but there is a category for trash fish, including juvenile and non-target fish that are supposed to be the future fish stock for the country.

"It is an umbrella term for accidental catch, non-target (marine species), but it is important to be clear what bycatch means for area management.

"From the management perspective, if we do not define them and lump threatened species with juvenile catch, we won't be able to distinguish what is being taken out from the ocean.

"The management should be informed by science. Science will tell us how much we can take from the ocean, so that the ocean can naturally continue to produce fish and maintain the ecosystem."

She said the Fisheries Department was expected to come up with a new fisheries management plan in the next few years.

Shantini was speaking at a panel discussion on "Out of Sight, Out of Mind" at the Sabah Shark and Ray Initiative showcase at the Tanjung Aru Marine Ecosystem Centre here yesterday.

The one-hour discussion was also joined by Marine Research Foundation conservation officer Ho Kooi Chee, Lower Kinabatangan Segama Wetland Programme coordinator Neville Yapp and Kota Kinabalu Fishing Boat Owners secretary William Chong.

> *Science will tell us how much we can take from the ocean, so that the ocean can naturally continue to produce fish and maintain the ecosystem.*
>
> **SHANTINI GUNA RAJAN**
> WWF-Malaysia marine policy manager

On the percentage of bycatch that commercial fishermen usually catch, Chong said it ranged between 15 and 30 per cent, depending on the season.

"For our vessels, we never do any target fishing. Whatever nets that are up, it is pointless to throw (non-target) dead fish back into the sea, which is wastage and may cause pollution.

"Bycatch such as small fish that cannot be sold at markets will go to factories for aquaculture food, such as fertiliser for chicken and fish.

"By sending trash fish to factories, it will be fair for fishermen as they cannot sell the trash fish at markets, but can still sell to factories," he said, adding that the value of bycatch was very low.

Ho said a trawler usually catches one or two sharks or rays in its net and some were juvenile and critically endangered species.

He said when that is multiplied by the number of catches, it had significant consequences.

"In the last two years, we have been trying to collect data on locations where bycatch happens. Now we know where sharks and rays are caught in Sabah.

"By knowing these hotspots, we can suggest to fisheries (authorities) and fishing boat owners to avoid those areas to conserve the species."

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/6/2022 | HAROAN METRO | BISNES | 24 |

# Agrobank, ADFIMI kukuh kerjasama

**Kuala Lumpur:** Agrobank dipilih sebagai jawatankuasa pengurusan Persatuan Institusi Kewangan Pembangunan Nasional di Negara Anggota Bank Pembangunan Islam (ADFIMI) untuk tempoh tiga tahun di bandar Shah El Sheikh, Mesir ketika Mesyuarat Perhimpunan Agung ADFIMI ke-39.

Menerusi jalinan ini, Agrobank akan terus komited untuk bekerjasama dengan ADFIMI bagi memperkukuhkan jaminan keselamatan dan kemampanan makanan negara.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan ADFIMI, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank juga sebulat suara dipilih sebagai Naib Pengerusi ADFIMI ketika berlangsung Mesyuarat Agung ADFIMI ke-39.

Mengulas mengenai pemilihan itu, Tengku Ahmad Badli berkata, pihaknya dengan rasa rendah diri dan berbesar hati kerana diberi kepercayaan oleh ADFIMI untuk menerajui persatuan itu.

"Saya percaya, Agrobank sudah dipilih untuk menjadi sebahagian daripada ADFIMI atas komitmen berterusan kami sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) yang menyokong aktiviti pertanian bagi mengukuhkan lagi kemampanan serta keselamatan makanan makanan di Malaysia," katanya.

Menurutnya, usaha berterusan Agrobank menerusi program pembiayaan rantaian penuh adalah sejajar dengan Polisi Agro Makanan Negara, yang bertujuan untuk meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL) makanan.

isentia

AUTHOR: Agnes Tugong SECTION: NEWS PAGE: 6 PRINTED SIZE: 168.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,252.00 ITEM ID: MY0048621674



20 JUN, 2022

PJKM dilaksanakan di 154 lokasi di Sarawak

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



# PJKM dilaksanakan di 154 lokasi di Sarawak

## Dengan jumlah jualan mencecah RM4.531 juta serta pengunjung seramai 210,206 isi rumah: Peter

Oleh Agnes Tugong

**KUCHING: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) telah dilaksanakan di 154 lokasi di negeri ini dengan jumlah jualan mencecah RM4.531 juta serta pengunjung seramai 210,206 isi rumah.**

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarawak Peter J. Berinus Agang berkata, PJKM dilaksanakan dengan sokongan dan kerjasama pelbagai pihak.

Antaranya, Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertanian dan Industri serta agensi-agensi lain seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan agensi-agensi lain.

"Secara keseluruhannya, lebih 240 rakan strategik telah terlibat dalam menjayakan PJKM.

"Sepanjang pelaksanaan PJKM, pelbagai barangan keperluan harian dijual dengan harga istimewa termasuk barangan yang menjadi tumpuan pengunjung seperti ayam, minyak masak, gula, tepung dan sayur-sayuran," katanya.

> "Sepanjang pelaksanaan PJKM, pelbagai barangan keperluan harian dijual dengan harga istimewa termasuk barangan yang menjadi tumpuan pengunjung seperti ayam, minyak masak, gula, tepung dan sayur-sayuran."
>
> Peter J. Berinus Agang
> *Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Sarawak*

Beliau berkata demikian selepas meninjau PJKM Peringkat DUN Tupong dan Parlimen Petra Jaya di Everrise Metrocity di sini, semalam.

Tambah Peter, di samping harga ditawarkan rakan strategik, sumbangan daripada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) setempat telah dapat mengurangkan harga barangan yang ditawarkan di PJKM jauh lebih murah daripada harga biasa.

Justeru beliau berharap lebih ramai Ahli Parlimen dan ADUN kerajaan dan pembangkang turut serta dan memberi sumbangan dalam usaha mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat.

Mengenai pemantauan harga ayam selepas subsidi kepada penternak ditamatkan mulai 1 Julai, Peter berkata pihak penguatkuasaan akan terus melakukan pemantauan harga.

Pemantauan berterusan ini katanya, adalah untuk memastikan tidak ada peniaga yang mengambil kesempatan mengaut keuntungan yang tidak munasabah.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



20 JUN, 2022

# PJKM dilaksanakan di 154 lokasi di Sarawak

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



## SUMMARIES

Dengan jumlah jualan mencecah RM4.531 juta serta pengunjung seramai 210,206 isi rumah: Peter

Oleh AgnesTugong

KUCHING: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) telah dilaksanakan di 154 lokasi di negeri ini dengan jumlah jualan mencecah RM4.S31 juta serta pengunjung seramai 210,206 isi rumah. Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarawak Peter J. Berinus Agang berkata, PJKM dilaksanakan dengan sokongan dan kerjasama pelbagai pihak.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/6/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 18 |

# RM40,000 beli dron pantau dusun durian

## Pemilik kebun guna 4 pesawat kurangkan kecurian hasil, alat pertanian

Oleh Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

**Balik Pulau:** Pemilik dusun durian sanggup berhabis RM40,000 membeli empat pesawat tanpa pemandu (UAV) atau dron untuk memantau dusun milik keluarganya, terutama mengelak hasil kebun itu dicuri.

Inisiatif sejak lima tahun lalu itu ternyata mendatangkan hasil apabila kes kecurian buah termasuk peralatan lain di dusunnya semakin berkurangan.

Generasi keempat pemilik dusun, Tan Chee Keat, 30, berkata kaedah itu turut digunakan di beberapa lagi dusun milik keluarganya sekitar Sungai Ara, Teluk Kumbar, Relau dan Teluk Bahang yang keseluruhannya dianggarkan seluas 102 hektar.

Terdapat kira-kira 20 jenis durian di dusunnya, termasuk yang menjadi buruan seperti Duri Hitam dan Musang King.

"Sebelum ini memang kami hadapi kerugian sebanyak ratusan ribu ringgit akibat kecurian buah serta peralatan seperti mesin, pam air dan lain-lain lagi. Namun, selepas guna dron dengan sistem Mavic 3 yang dilengkapi alat pandu suara dan dihubungkan dengan walkie-talkie, kes berkenaan berkurangan.

"Kami turut melengkapkan pengawasan dengan memasang 17 kamera litar tertutup (CCTV) di sekitar kawasan kebun," katanya ketika dihubungi, semalam.



*Chee Keat (kanan) menunjukkan dron yang digunakan untuk memantau dusun durian milik keluarganya di Balik Pulau.* (Foto ihsan Tan Chee Keat/BH)

Mengulas lanjut, Chee Keat berkata, semua dusun milik keluarganya kini mempunyai seramai 42 pekerja dan dron berkenaan diterbangkan empat kali sehari yang mana setiap sesi penerbangan adalah sekitar 30 minit.

Katanya, dron terbabit diterbangkan sepanjang masa setiap tahun, bukan hanya pada musim durian, bagi memastikan pokok durian dalam keadaan baik dan tidak berpenyakit selain mengelak kehilangan peralatan lain.

"Kami merancang menambah beberapa lagi manfaat teknologi penggunaan dron bagi kegunaan di dusun. Diharap pada masa akan datang, terdapat sistem atau teknologi baharu yang boleh menerbangkan dron bagi tempoh lama.

"Memang pada dasarnya perlu melabur ribuan ringgit, tetapi jika lihat semula sebelum penggunaannya, kami dapat mengelakkan kerugian sehingga ratusan ribu setahun akibat kecurian di dusun," katanya lagi.

# 'Peniaga digesa perjelas isu caj potong ayam'

**Kuala Lumpur:** Margin untung yang sangat rendah memaksa sesetengah peniaga ayam mengenakan 'caj potong' antara 60 sen hingga RM1, namun ia dianggap membebankan pengguna di sebalik kenaikan kos sara hidup.

Pengerusi Biro Keusahawanan dan Sosioekonomi, Persatuan Pengguna Melayu Malaysia (PPMM), Mohd Afiq Salim, berkata peniaga perlu memberikan penjelasan lanjut mengenai caj tambahan itu supaya tidak timbul kekeliruan dalam kalangan pembeli.

Beliau berkata, keadaan itu mungkin disebabkan margin untung yang terlalu kecil ada kalanya merugikan mereka susulan penetapan harga siling ayam RM8.90 untuk sekilogram.

Katanya, tidak dinafikan tindakan itu membebankan pengguna, namun ayam kini menjadi pilihan utama susulan kenaikan melampau harga ikan sejak kebelakangan ini.

"Peniaga perlu jelaskan kepada pengguna punca caj potong ayam terpaksa dikenakan supaya tidak timbul salah faham.

"Keadaan ini hanya berlaku sejak kebelakangan ini kerana peniaga terdesak untuk *cover* harga ayam mentah yang diambil dari ladang yang sudah melebihi harga siling atau rendah beberapa sen daripada harga ditetapkan kerajaan.

"Pengguna juga harus lebih bijak memilih dan mengelak membeli ayam daripada peniaga yang mengenakan caj potong melampau," katanya ketika dihubungi semalam.

Mohd Afiq berkata, kemelut isu itu sudah berlanjutan sejak beberapa bulan lalu dan dibimbangi ada peniaga yang sengaja meletakkan caj tidak munasabah jika tidak dikawal kerajaan.

"Polemik harga ayam perlu ditangani dengan seluruh rantaian pembekalan dan penjualan dipanggil Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi mencari penyelesaian jangka pendek dan panjang.

"Kini semua pihak menuding jari antara satu sama lain, namun yang tersepit pengguna kerana tiada pilihan lain untuk mendapatkan bekalan bahan mentah itu.

"Penternak dan pemain utama industri pembekalan ayam perlu dipanggil supaya penjelasan lanjut diberikan kerana akhirnya pembeli serta pengguna tidak tersepit," katanya.

Sejak kebelakangan ini, ada di antara peniaga ayam yang mengenakan caj potong untuk ayam antara 60 sen hingga RM1 untuk seekor ayam.

Keadaan itu dikatakan berpunca daripada harga siling ayam yang dikatakan terlalu rendah untuk peniaga kerana kos ayam mentah yang diterima daripada

> Penternak dan pemain utama industri pembekalan ayam perlu dipanggil supaya penjelasan lanjut diberikan kerana akhirnya pembeli serta pengguna tidak tersepit



***Mohd Afiq Salim,*** *Pengerusi Biro Keusahawanan dan Sosioekonomi PPMM*

penternak juga tinggi.

Peniaga mendakwa, hanya memperoleh 50 sen bagi seekor ayam yang dikatakan tidak mampu menampung kos jualan dan pekerja.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi sebelum ini dilaporkan berkata, kementeriannya akan memantau aduan mengenai caj tambahan upah memotong ayam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/6/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 9 |

UMUM MENGELUH, PERSATUAN PENGGUNA MAHU PENJELASAN

# Caj potong ayam RM1!

Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my



ORANG ramai membeli ayam segar di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

**Kuala Lumpur**

Margin untung yang sangat rendah memaksa sesetengah peniaga mengenakan caj tambahan potong ayam antara 60 sen dan RM1 namun ia dianggap membebankan pengguna.

Pengerusi Biro Keusahawanan dan Sosioekonomi Persatuan Pengguna Melayu Malaysia, Mohd Afiq Salim berkata, peniaga perlu memberikan penjelasan lanjut mengenai caj tambahan itu agar tidak timbul kekeliruan dalam kalangan pembeli.

Menurutnya, keadaan ini mungkin disebabkan margin untung yang terlalu kecil dan adakalanya merugikan mereka susulan penetapan harga siling ayam RM8.90 untuk sekilogram.

Katanya, tidak dinafikan tindakan itu membebankan pengguna namun ayam kini menjadi pilihan utama susulan kenaikan melampau harga ikan sejak kebelakangan ini.

"Peniaga perlu jelaskan kepada pengguna punca caj potong ayam terpaksa dikenakan agar tidak timbul salah faham di antara mereka.

"Keadaan itu hanya berlaku sejak kebelakangan ini kerana peniaga terdesak untuk *cover* harga ayam mentah yang diambil dari ladang yang sudah melebihi harga siling atau rendah beberapa sen daripada harga ditetapkan kerajaan.

"Pengguna juga harus lebih bijak memilih dan mengelak membeli ayam daripada peniaga yang mengenakan caj potong melampau," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, kemelut itu sudah berlanjutan sejak beberapa bulan lalu dan dibimbangi ada peniaga yang sengaja meletakkan caj tidak munasabah jika tidak dikawal kerajaan.

Menurutnya, polemik harga ayam itu perlu ditangani dengan seluruh rantaian pembekalan dan penjualan dicadangkan dipanggil Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi mencari penyelesaian jangka pendek dan panjang.

"Kini semua pihak menuding jari antara satu sama lain namun yang tersepit adalah pengguna kerana tiada pilihan lain untuk mendapatkan bekalan bahan mentah itu.

"Penternak juga pemain utama industri pembekalan ayam perlu dipanggil supaya penjelasan lanjut diberikan kerana akhirnya pembeli serta pengguna tidak tersepit," katanya.

## Menteri beri nasihat buat peniaga

**Kuala Lumpur:** Peniaga boleh mengenakan 'caj potong' ayam mentah namun caj berkenaan tidak boleh membebankan pengguna.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, kementeriannya akan terus memantau perkara berkenaan agar peniaga tidak mengambil kesempatan.

Menurutnya, kementeriannya (KPDNHEP) ada menerima aduan mengenai caj berkenaan dan siasatan lanjut sedang dijalankan.

"KPDNHEP tidak menghalang peniaga kenakan caj potong ayam namun ia tidak boleh membebankan pengguna.

"Kami ada menerima aduan dan setiap permasalahan dikemukakan akan disiasat sebelum tindakan lanjut," katanya ketika dihubungi, semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/6/2022 | KOSMO | NIAGA | 37 |

Mahu jadi pengeluar daging lembu terbesar untuk penuhi permintaan domestik

# Pelaburan berbaloi Radiance Agrotech






**PETALING JAYA** – Radiance Assets Berhad sebuah Kumpulan yang menjurus kepada bidang teknologi dan memiliki portfolio yang meluas dalam pelbagai segmen termasuk kewangan teknologi kini mahu mengembangkan sayap pelaburannya di dalam bidang agroteknologi.

Pelaburan bernilai RM1.1 bilion dalam bidang tersebut melalui anak syarikatnya Radiance Agrotech Sdn. Bhd. sebagaimana diumumkan Pengerusi Eksekutif Kumpulan, Dr. Mohd. Ezman Zamani dalam satu temu bual bersama media baru-baru ini merupakan langkah tepat dalam menyediakan bekalan daging lembu secara berterusan untuk jangka panjang.

Syarikat mahu membawa teknologi tinggi dari Belanda dengan kos yang mahal agar ladang penternakan lembu bebas daripada penyakit kaki dan mulut (FMD) selain menghasilkan produk terbaik dan berkualiti tinggi untuk semua rakyat daripada pelbagai peringkat pendapatan.

"Kami ingin membantu Keluarga Malaysia mendapatkan produk pada harga yang berpatutan dan tidak membebankan mereka. Pada masa sama, objektif ladang lembu ini juga bukan setakat untuk pasaran daging di Malaysia, sebaliknya akan dipasarkan kepada negara jiran pada masa akan datang apabila kami mendapat sijil bebas FMD," jelas beliau.

**KOSMO!: Boleh jelaskan secara ringkas mengenai Radiance Assets Berhad dan idea untuk meluaskan sayap pelaburan dalam bidang agroteknologi?**

**MOHD. EZMAN:** Radiance Assets adalah sebuah syarikat pegangan pelaburan dipacu teknologi patuh syariah. Terdapat pelbagai segmen di bawah Kumpulan meliputi bidang kewangan, perubatan, teknologi hijau dan yang terkini, kami berkembang kepada segmen agroteknologi. Kami bermula daripada peringkat asas hanya dari rumah dengan lima orang dan kini kakitangan telah berkembang kepada lebih 100 orang.

**Kenapa pilih bidang agroteknologi?**

Negara sedang berdepan dengan masalah *food security* (keselamatan makanan); ia dilihat berada pada tahap kritikal yang mana tumpuan negara terhadap kadar peratusan bekalan import adalah tinggi. Bayangkan jika bekalan import dihentikan, apa akan jadi kepada rakyat di negara ini? Ia adalah satu perkara yang sangat menakutkan dan ia mungkin akan berlaku dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang.

Saya sebenarnya dilahirkan daripada keluarga bukan senang dan saya dapat merasai bagaimana keluarga B40 yang mahu membeli daging dengan harga kira-kira RM50 sekilogram (kg).

Sekiranya mereka mahu membeli tiga kg daging, maka ia akan melibatkan kira-kira 10 peratus daripada gaji bulanan dan pastinya mereka tidak akan membeli daging.

**Apa misi syarikat dalam bidang baharu ini?**

Radiance Agrotech melabur sebanyak RM1.1 bilion dalam bidang berpotensi ini dan syarikat menubuhkan pusat ternakan lembu berteknologi yang mana ia bukan mengejar keuntungan untuk syarikat semata-mata.

Ia lebih bersifat serampang dua mata dalam usaha membantu kerajaan menurunkan harga daging lembu di pasaran negara ini dalam membantu masyarakat berpendapatan rendah serta menampung keperluan pasaran ketika ini.

Pusat ternakan ini akan mewujudkan satu rantaian dalam ekonomi bermula dari ternakan hingga penghasilan daging segar yang tidak melibatkan orang tengah sebagaimana yang diperjuangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum ini.

Ia adalah ladang bersepadu apabila sistemnya bermula dengan ternakan, pembiakan dan persenyawaan, pemakanan, penyembelihan, pemprosesan, pembungkusan dan pemasaran sama ada di dalam dan luar negara.

**Boleh jelaskan lebih lanjut mengenai ladang lembu berteknologi tinggi itu?**

Kami mahu terapkan penggunaan teknologi tinggi dalam ladang ini yang mana melalui sistem canggih itu, hanya dua orang di dalam kandang, manakala makanan, air dan najis akan diuruskan secara automatik serta tiada sentuhan manusia.

Teknologi tinggi itu akan di bawa dari Belanda kerana di negara berkenaan, sebuah syarikat berjaya menternak 30,000 lembu tetapi di Malaysia kalau syarikat itu menghasilkan 5,000 ekor lembu, ia dianggap sebagai sebuah syarikat pengeluar lembu terbesar di negara ini. Bagaimanapun dengan jumlah tersebut juga, ia tidak dapat memenuhi permintaan pasaran tempatan. Oleh itu, kami mahu membawa masuk teknologi yang sudah terbukti walaupun ia menelan kos yang tinggi tetapi untuk jangka panjang ia berkaitan dengan kelestarian.

**Apakah perancangan yang sedang dan terbaharu untuk dilaksanakan?**

Kami menyasarkan untuk menghasilkan sehingga 50,000 ekor lembu dalam tempoh lima tahun akan datang dan muncul sebagai pengeluar utama daging di negara ini. Sebagai permulaan, syarikat sedang mengendalikan ladang yang menempatkan 400 ekor lembu di pusat penyembelihan di Bangi, Selangor yang beroperasi sejak awal tahun ini.

Kami juga dalam perancangan untuk membuka sebuah lagi cawangan di Johor tidak lama lagi.

Syarikat juga akan menawarkan segmen jualan produk siap daging lembu yang akan diedarkan di kedai-kedai Radiance Agrotech di bawah jenama RediMeat. Ini akan membolehkan kami menawarkan harga rendah dengan sasaran penurunan antara 10 hingga 20 peratus berbanding harga sekarang.



**LADANG** lembu berteknologi tinggi dapat menghasilkan daging berkualiti bagi memenuhi pasaran tempatan.



**MOHD. EZMAN** dalam satu temu bual bersama media di pejabatnya di Rawang, Selangor baru-baru ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/6/2022 | KOSMO | NEGARA | 17 |

Harga raja buah di Balik Pulau naik dua kali ganda pada Sabtu dan Ahad

# Durian naik harga hujung minggu

**Oleh NOOR HASLIZA NUSI**

**GEORGE TOWN** – Pembekal durian atau orang tengah dikatakan cuba menaikkan harga durian Balik Pulau sehingga dua kali ganda pada hujung minggu dengan alasan mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pelanggan.

Difahamkan, mereka mampu mengaut keuntungan sehingga 30 peratus bagi jualan durian kampung sehinggalah kepada durian kayangan iaitu musang king dan *black thorn*.

Seorang peniaga yang juga pemilik kebun, Ah Seng, 42, berkata, sudah menjadi kelaziman akan berlaku trend kenaikan harga raja buah itu di negeri ini bermula dari hari Jumaat hinggalah Ahad di sepanjang musim.

Akuinya, perubahan harga buah yang tinggi dikatakan hanya berlaku di peringkat pembekal, manakala pekebun kebiasaannya akan menetapkan harga borong asal.

"Setiap kali musim durian terutama hujung minggu, Pulau Pinang akan menjadi tarikan utama pelancong tak kira dari dalam atau luar negara.



**HARGA durian premium di Pulau Pinang dijangka kekal hingga akhir musim Julai ini berikutan mendapat permintaan tinggi dalam kalangan peminat raja buah itu.** – IQBAL HAMDAN

"Jadi, mereka (pembekal yang juga peniaga) mulalah menaikkan harga tinggi sehingga 30 peratus bagi semua jenis.

> Ketika ini, hanya musang king gred B sahaja yang berupaya turun harga sehingga RM35 sekilogram berbanding RM50 sekilogram Mei lalu."

"Durian kampung dari RM4 menjadi RM6 sekilogram, musang king (RM80 kepada RM100), manakala *black thorn* (RM120 kepada RM140) sekilogram.

"Kenaikan ini berlaku kerana buah ini masih mendapat permintaan tinggi dalam kalangan kaki durian sehinggakan ada yang sudah membuat tempahan sebelum mereka menjejak kaki ke sini," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Sementara itu, seorang lagi pemilik kebun dan peniaga durian, Keat, 39, pula memberitahu, harga durian kampung dijangka kekal dijual setakat RM4 sekilogram sehingga musim buah itu berakhir bulan depan.

"Memang tak sempat nak turun harga (untuk pelanggan) disebabkan masih mendapat permintaan tinggi dalam kalangan peminat durian.

"Penurunan harga hanya berlaku di peringkat pekebun kepada pengilang iaitu RM3 sekilogram.

"Ketika ini, hanya musang king gred B sahaja yang berupaya turun harga sehingga RM35 sekilogram berbanding RM50 sekilogram Mei lalu.

"Ini kerana, buah tersebut tidak dapat dieksport ke luar negara kerana tidak mencapai spesifikasi atau saiz yang ditetapkan.

"Kami tidak sesekali berdepan kerugian disebabkan buah ini masih mempunyai peminat tersendiri di negara ini. Mereka (penggemar) kini berpeluang merasainya buah popular itu pada harga yang RM30 hingga RM40 sebiji," jelasnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/6/2022 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |

# Harga ayam tidak terkawal

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Harga ayam semakin tidak terkawal apabila mula dijual dari RM10.40 sehingga RM11.50 sekilogram, sekali gus melepasi had siling RM8.90 yang ditetapkan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia,* sumber industri berkata, kebanyakan pemain industri tidak mengambil peduli tentang harga barang makanan itu walaupun ia adalah barang kawalan.

Katanya, harga ayam naik melebihi kadar siling ditetapkan, malah 'semakin mengarut'.

Malah, tinjauan *Utusan Malaysia* juga mendapati peniaga tidak lagi mengendahkan pematuhan harga, sebaliknya bertindak menaikkannya sesuka hati.

"Daripada peringkat ladang, pembekal memperoleh ayam hidup dengan harga RM0.80 hingga RM1.50 untuk sekilogram iaitu peningkatan 20 peratus daripada harga ditetapkan.

"Harga sekarang pun memang sekarang dah naik tanpa mengikut harga kawalan. Rata-rata peniaga di pasar pun sudah menjual dengan harga RM10.40 hingga RM11.50 sekilogram.

"Tak perlu tunggu 1 Julai ini sebab subsidi untuk penternak pun memang ramai yang tidak dapat, apa mereka dapat hanyalah bonus sahaja," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, isu kenaikan harga ayam kembali hangat apabila pemain gergasi industri tersebut akan menaikkan harga ternakan itu di pasaran bermula Julai ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/6/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 3 |

# Harga ayam tidak terkawal

Dari muka 1

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, isu kenaikan harga ayam kembali hangat apabila pemain-pemain gergasi industri tersebut mengumumkan akan menaikkan harga ternakan itu di pasaran bermula Julai ini.

Ia sekali gus membuktikan industri itu masih dikuasai pihak swasta dan kerajaan seolah-olah tidak mempunyai sebarang kuasa untuk menstabilkan harga demi kepentingan pengguna.

Pengarah Nafas Food Processing and Marketing Sdn. Bhd., Shafiqurrahman Shamsuddin berkata, bukti bahawa industri ayam masih dalam cengkaman pihak swasta jelas dilihat melalui sikap 'besar kepala' pemain gergasi industri ayam yang baru-baru ini secara terbuka mengumumkan bahawa mereka perlu menaikkan harga ayam bermula Julai susulan berakhirnya skim harga runcit maksimum.

Sebelum ini kerajaan memperuntukkan RM720 juta kepada penternak ayam bagi memastikan harga ternakan itu kekal rendah dan mampu dibeli sebahagian besar rakyat, bagaimanapun ia gagal mengekang kenaikan harga barang makanan yang paling popular di negara ini.

Selain itu, mulai 1 Julai ini kerajaan juga akan menghentikan pemberian subsidi kepada penternak ayam, sebaliknya menyalurkan wang berkenaan kepada golongan B40.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum ini juga mengumumkan penglibatan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) dalam keseluruhan ekosistem industri ayam sebagai usaha kerajaan menjamin sekuriti makanan negara.

Langkah kedua-dua pertubuhan yang masing-masing mempunyai seramai sejuta dan tujuh juta ahli melalui 14,835 koperasi diyakini berupaya membantu kerajaan menangani masalah kenaikan harga ayam dan bekalan makanan.

Dalam pada itu, sumber terbabit menambah, pelbagai alasan akan dikemukakan bagi 'menghalalkan' tindakan mereka untuk menaikkan harga ayam di dalam pasaran.

"Pelbagai alasan pasti diberi, antaranya pasti mengenai subsidi, masalah dedak ayam, kekurangan pekerja, anak ayam sakit dan sebagainya lagi.

"Harga akan meningkat hingga mencapai sasaran mereka iaitu ayam akan dijual dengan harga RM12 untuk sekilogram. Jika seekor mampu mencecah RM24," jelasnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/6/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 10 |

# Baja kimia fertigasi naik 120 peratus

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
shofi.isa@mediamulia.com.my

**KUANTAN:** Kira-kira 400 pekebun sayur fertigasi di Cameron Highlands dekat sini cukup terbeban ekoran kenaikan baja kimia yang ketika ini mencecah hingga 120 peratus.

Situasi kenaikan baja kimia itu berlarutan selama dua tahun, sekali gus menyebabkan sayur seperti tomato, lada benggala, terung, tomato cherry, timun Jepun, strawberi dan cili berkurangan sehingga 35 peratus.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pekebun sayur fertigasi Cameron Highlands, Lau Weong Soow berkata, kenaikan 100 hingga 120 peratus itu membabitkan enam baja kimia fertigasi.

Menurutnya, enam baja kimia tersebut adalah daripada jenis calcium nitrate, potassium nitrate, magnesium sulphate, monopotassium phosphate, potassium sulfate dan juga ammonium nitrat.

"Kenaikan antara RM3,700 ke RM12,000 satu metrik tan. Sebagai contoh, calcium nitrate sebelum ini RM1,500, kini dijual pada harga RM3,700 satu tan metrik.

"Paling tinggi mencatatkan kenaikan monopotassium fosfat, sebelum ini RM5,000, naik 120 peratus kepada RM12,000 satu tan metrik .

"Kos input terlalu tinggi, apa nasib kami peniaga sayur fertigasi, hendak jual sayur mahal? Harga sayur tetap perlu ikut pasaran semasa dan juga permintaan," katanya di sini semalam.

Weong Soow berkata, permasalahan tersebut telah pun diadukan kepada pihak berkaitan iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Jabatan Pertanian, namun seolah-olah dipandang sepi.

"Apa kita harapkan pihak berkenaan mencari penyelesaian tentang kenaikan mendadak baja kimia tersebut, sekurang-kurangnya kawal harga supaya ia tidak terlalu tinggi dan membebankan.

"Sama ada diberikan peruntukan khas, bantuan, itu terpulang. Tetapi kita perlu penyelesaian supaya isu kenaikan baja kimia fertigasi ini tidak terus membebankan pekebun sayur fertigasi di Cameron Highlands," katanya.



CHAY EE MONG

Setiausaha Pertubuhan Pekebun-pekebun Sayur Cameron Highlands, Chay Ee Mong pula berkata, kenaikan harga baja itu cukup membebankan golongan pekebun kerana input bagi menghasilkan projek pertanian seperti sayur-sayuran lebih mahal daripada produk dikeluarkan.

"Ramai petani merungut ekoran kenaikan baja kimia terbabit. Ada menyatakan, jika tidak tahan mereka tidak tanam sayur lagi kerana kosnya terlalu tinggi sebaliknya menukar kepada pertanian yang melibatkan jangka masa panjang seperti kelapa sawit," katanya.

Beliau berkata, kebimbangan utama ketika ini adalah bekalan sayur menggunakan sistem fertigasi akan terjejas sekali gus berkurangan dalam pasaran negara.

Ini kerana katanya, bukan sahaja harga baja kimia fertigasi terlalu mahal, malah rantaian bekalannya juga semakin berkurangan ekoran sekatan di negara asal seperti China dan juga Russia.

"Jadi pekebun bimbang dan tidak pasti sama ada bekalan baja ini ada kekal atau terus berkurangan, jadi bertindak mengurangkan tanaman sayur fertigasi.

"Jadi saya nampak, dalam masa dua ke tiga bulan akan datang, bekalan sayur fertigasi akan terjejas, petani bimbang untuk tanam banyak sayur seperti tomato, lada benggala, terung, tomato ceri, timun Jepun dan cili," katanya.

# Peningkatan kos jejaskan sekuriti masa depan makanan negara

**KOTA BHARU:** Kenaikan harga input pertanian dan kos lain boleh memberi kesan kepada sekuriti makanan negara pada masa hadapan jika langkah segera tidak diambil.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia* Pengarah Institut Penyelidikan Jaminan Makanan dan Pertanian Lestari (IFFSA) Dr. Maryana Mohamad Nor berkata, selain itu perubahan cuaca turut dibimbangi boleh mempengaruhi sekuriti makanan negara.

Menurutnya, usaha mengatasi masalah ini perlu mengambil kira isu dan cabaran di sepanjang rantaian bekalan makanan bermula daripada input pertanian hingga ke sisa makanan dan negara.

"Dasar sekuriti makanan merangkumi empat dimensi termasuk kesediaan, kebolehcapaian, penggunaan dan kestabilan bekalan makanan merentasi sepanjang rantaian nilai makanan yang meliputi aspek keselamatan makanan dan pemakanan bagi menjamin sumber itu selamat dan berkhasiat.

"Dalam konteks Malaysia hari ini, umumnya sehingga hari ini, keempat-empat dimensi tersebut berjaya kita penuhi dalam memastikan bekalan makanan negara kita mencukupi. Persoalannya berapa lamakah bekalan makanan kita dapat bertahan apabila kita merujuk kepada kempat-empat dimensi itu," katanya.

Maryana yang juga Pensyarah Kanan Fakulti Industri Asas Tani Universiti Malaysia Kelantan (UMK) memberitahu, sekuriti makanan perlu diberikan perhatian yang lebih serius kerana ianya merupakan elemen penting dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak stabil akibat penularan pandemik Covid-19 keutamaan terhadap perkara ini perlu diberikan perhatian.

"Merujuk kepada *Food Security Global* Index 2021, Malaysia tersenarai pada tangga yang ke-39 berbanding pada 2020 di tangga ke-43.

"Pengukuran indeks ini dilakukan berdasarkan kepada keupayaan negara dalam memenuhi keempat-empat dimensi dalam rantaian sekuriti makanan," ujarnya.

Maryana berkata, Malaysia merupakan sebuah negara sedang membangun yang mempunyai nilai peningkatan penduduk yang tinggi hampir setiap tahun.



RINA Mohd. Harun (tengah) bersama sebahagian daripada tetamu yang hadir pada Majlis Perasmian Sambutan Hari Bapa Peringkat Kebangsaan 2022 di KNS Dungun, Terengganu, semalam. – UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/6/2022 | NST | NEWS | 8 |

'SMALL QUANTITIES'

# No chicken supply shortage in Wakaf Baru, say traders



*A chicken seller speaking to an enforcement officer at the Wakaf Baru wet market in Tumpat yesterday.* PIC BY SHARIFAH MAHSINAH ABDULLAH

**TUMPAT:** There is no shortage of chicken at the Wakaf Baru wet market, traders here insisted.

Instead, they claimed to be buying the birds in smaller quantities due to the high prices set by suppliers.

"Sometimes consumers will find there is no chicken being sold here and it is not due to a shortage," said one of the traders, Mohd Ghazali Ishak.

"We can only buy them in small quantities from the suppliers because we cannot afford to buy more. Furthermore, we only make a little profit from the sales," said the 59-year-old father of seven, who has been selling chicken at the market for more than five years.

Another chicken seller, who wanted to be known only as Lily, said because of this, she could sell fewer than 10 chickens in a day.

"I do not mind getting lower profit because my main concern now is for my business to stay afloat.

"I will try my best to ensure customers, especially in Wakaf Baru, can get the birds for the upcoming (Hari Raya Aidiladha) celebration," said the 33-year-old.

The two were among 15 chicken traders operating at the market.

Chicken traders at the Wakaf Baru wet market also gave their assurance that there would be enough supply for Hari Raya Aidiladha.

Many admitted they were caught in a difficult situation when suppliers raised the prices recently and they had to sell the birds based on the government's ceiling price.

Checks showed that the majority of the traders here adhered to the ceiling price set by the government.

Several enforcement officers were seen conducting spot checks on the prices of chicken and other fresh produce.

It was reported that the National Farmers' Organisation had begun importing whole chickens from poultry producers with the first stockpile of 21 metric tonnes arriving on Saturday.

The Farmers' Organisation Board, in a statement, said the supply was imported from poultry producers that had obtained approval from the Veterinary Services Department.